

# Agenda UMNO: Meninggikan Martabat Bangsa Melayu

Oleh: Kapten IBI Mohamad Yeop Saleh  
(Veteran UMNO)

## UMNO DINAMIK

Kematangan UMNO sudah berusia 60 tahun, telah membuktikan sebagai sebuah badan politik Orang Melayu yang unggul, dipimpin oleh Pemimpin-pemimpin ber wawasan yang dipilih oleh rakyat khususnya Orang Melayu dari para intelektual Orang Melayu profesional. Meninggikan prestasi UMNO seiring memperkuatkan semangat perjuangan Ahli Parti.

UMNO juga Parti Politik yang dinamik dan terkanan antara 14 Parti komponen, serta pemankin kepada Barisan Nasional (BN). Antara lain terkenal globalisasi dan diiktiraf oleh negara-negara Barat, Eropah, Amerika Syarikat (US), Timur Tengah, Asia Timur atau Negara-Negara Asean sebagai Parti Politik Orang Melayu yang kekal memerintah Negara melebihi 48 tahun.

## ANCAMAN MASA DEPAN

Namun Malaysia berkedudukan ekonomi stabil (bukan peminjam IMS) dan keharmonian rakyat bereputasi tinggi, tidak harus dijadikan kebanggaan semata-mata. UMNO dari sudut kedudukannya -Cemerlang, Gemilang dan Terbilang, sebagai pemankin Barisan Nasional (BN) berkemungkinan berhadapan dengan pelbagai risiko luar jangkaan. Bukan saja datang daripada luar Parti, ada kalanya dari dalaman parti sendiri.

Jika para Pemimpin dan ahli-ahlinya mengutamakan kepentingan diri sendiri dan mempraktikkan 'politik wang' hingga sanggup mengkhianati perjuangan parti, sepertimana berlaku baru-baru ini. Mengambarkan fenomena tidak sihat bahawa ada antara pemimpin-pemimpin Melayu bersikap tamak merebut kuasa kerana kepentingan peribadi.

Tekanan dari parti-parti pembangkang menganggugat perjalanan parti, adalah perkara biasa. Andainya pemimpin-pemimpin dan ahli UMNO kurang berwas pada sepenuhnya, dalam perancangan pelaksanaan ekonomi dan pembangunan Negara, boleh menjejaskan matlamat ke arah Wawasan 2020 akan datang.

## KEKUATAN PARTI

Modus operandi memperkukuhkan kekuatan perjuangan Parti antara yang terpenting (essential) dalam Agenda UMNO, yang berintensif dan tanggungjawab bersama. Memerlukan penuh konsentrasi dan kontak yang serius dari pertubuhan Parti UMNO sendiri menerusi peranan bahagian-bahagian dari cawangan-cawangan. Mempertingkatkan kerjaya pengambilan ahli baru (membership drive), bukan menjemukan tetapi mesti berte rusan:

Sepertimana difahamkan kekuatan UMNO hari ini melebihi 3.30 Juta. Merekodkan lebih kurang 22 persen daripada populasi Orang Melayu Negara ini. Mendaftar sebagai ahli UMNO, benar-benar ikhlas, kerana cintakan parti dan menyokong Kerajaan. Anggaran Wanita 1.3 Juta, Pemuda (lebih) 670,000; Puteri (lebih) 190,000; dan ahli biasa (lebih) 1.2 Juta.

Walaubagaimanapun UMNO, sentiasa mempelawa dan membuka ruang kepada para graduan generasi muda, intelektual dan profesional termasuk mengekalkan ahli veterannya yang berpengalaman terus relevan, demi memantapkan kekuatan Parti dan memperhebatkan Agenda Perjuangan UMNO.

## IDEOLOGI ORANG MELAYU

Selepas Merdeka, politik orang Melayu berkecamuk dengan pelbagai pecahan mengikut ideologi atau pendapat masing-masing. Pertama yang tegap dan padat (solid) ialah UMNO. Sebilangan ratusan pula menyertai parti etnik lain seperti Gerakan dan PPP. Namun demikian tetap menyokong Kerajaan Barisan Nasional (BN).

Haluan kedua orang Melayu menggelar diri mereka sebagai warga Barisan Alternatif seramai 205,000 orang (statistik 2003, termasuk minoriti campuran bangsa lain). Selaku pengikut KeAdilan Rakyat, sikap keegoan 'desperados' tamak kuasa, terasa kecewa dengan Pucuk Pim

**" Perlu dijadikan iktibar kepada semua. 'Jika kita tidak tahu menangani cabaran-cabaran ini, jika tidak ada semangat dan " Political Will", bukan saja Sejarah Kecemerlangan UMNO akan pudar, tapi ia akan mengalami nasib yang serupa dengan parti-parti nasionalis di negara lain, sudah lenyap atau tidak lagi berkuasa"**

pinan dan sistem pemerintahan yang ada sekarang, akur kepada perjuangan Politik Pembangkang.

PAS berkekuatan lebih-kurang 1 juta ahli, dulunya terkenal dengan ahli 'Jubah Hijau'. Memperalatkan 'flat form' Agama Islam sebagai teori; sentiasa mencari kelemahan UMNO untuk dijadikan modal: mengeluarkan pelbagai tafsiran sendiri dijadikan resipi ceramah-ceramah mereka, disulami dengan cacian 'mengkafirkan UMNO', demi untuk mempengaruhi minda orang Melayu.

Teori PAS bertahan selama 10 tahun, dapat memerintah Terengganu dan Kelantan. termasuk beberapa kawasan kecil di Perak, Kedah dan Perlis. Selepas Pilihan Raya 1999 masih mendabek dada sebagai jaguh Parti Pembangkang orang Melayu yang kuat, tetapi telah tewas di Negeri Terengganu di Pilihan Raya 2004. Suara Hadi Awang lenyap! Negeri Terengganu berjaya dirampas oleh Barisan Nasional (BN), termasuk kawasan-kawasan DUN di Negeri Perak, Kedah dan Perlis.

Ada juga sebilangan ribuan orang Melayu bersikap diskriminatif tidak mahu diganggu, berasa selesa memili sebagai warga berfikir 'Neutral', atau kaum 'Di Atas Pagar'. Tidak memihak mana-mana siasah politik, mahu pun komitmen persatuan atau percampuran masyarakat tempatan 'Ahli Rukun Tetangga', mahupun jarang-jarang ke Masjid/ Surau. Mendukacitakan sanggup menghi langkan diri melancong ke luar negara di waktu Pilihan Raya.

Antaranya mereka ini dalam golongan berada, berta raf VIP dan orang Melayu kelas dua, yang telah menerima pelbagai kemudahan dari peruntukan Kerajaan seperti pendidikan, berjawatan tinggi dalam perjawatan awam Kerajaan, penerima Kehormatan Darjah dari Bintang Negara sebagainya. Golongan ini tidak bersyukur dan mengenang jasa kerana bersikap oportunistik, keras kepala 'hard core' dan kera sumbang, kerana tidak mahu bersama bertanggungjawab kepada negara.

## SEMANGAT PERPADUAN

Ancaman dalaman yang dihadapi oleh politik UMNO / Barisan Nasional (BN), berkaitan dengan Perpaduan. Masyarakat, Hak Kepentingan masyarakat majmuk dan agama Islam, boleh menjejaskan keharmonian dari kesela matan, antara cabaran hebat kepada orang Melayu kesela luruhannya, mencetuskan topik perbincangan hangat hingga kehari ini.

Agendanya: Kenapa orang Melayu tidak mahu bersatupadu? 'Ahli-ahli UMNO jangan mengkhianati Parti dan Bangsa Melayu. Jika ada, UMNO akan lenyap dan Melayu tidak akan dapat berkuasa lagi'. Dipetik dari ucapan Ucapan Perasmian Terakhir Tun Dr. Mahathir Mohamad semasa beliau Perdana Menteri di Perhim punan Agung UMNO ke 54 pada 19 hingga 21 Jun 2003, serta beramanat 'Supaya orag Melayu kukuh bersatupadu'.

Perlu dijadikan iktibar kepada semua. 'Jika kita tidak tahu menangani cabaran-cabaran ini; jika tidak ada semangat dan " Political Will", bukan saja Sejarah Kecemerlangan UMNO akan pudar, tapi ia akan mengalami nasib yang serupa dengan parti-parti nasionalis di negara lain, sudah lenyap atau tidak lagi berkuasa.'

Orang Melayu tidak bersatupadu, sejak dari abad ke 15, kini hampir 505 tahun. Bukan masalah baru, sejarah ada menyatakan. Kedaulatan Tanah Melayu telah ditak luki dari tangan ke tangan pelbagai Penjajah.

Bermula dari tahun 1511, Panglima Lanun berbangsa

Portugis Alfonso De Albuquerque mencero boh Tanah Melayu dari Pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Selepas itu Belanda berkuasa hampir 200 tahun. Kemudian jatuh ke tangan Pemerintah Kolonial British 1786 hingga 1940. Jepun 1941 hingga 1945. 1946 kembali kali kedua ke tangan British hingga 30 Ogos 1957. Why (kenapa)? Kerana semangat orang Melayu masih lemah, tidak bersatupadu.

Negara Malaysia mendapat kemerdekaan adalah Agenda UMNO, pemerintah era baru dari pemimpin-pemimpin bersemangat waja orang Melayu. Hingga kini sudah 49 tahun menikmati Kemerdekaan.

Gelombang Politik Melayu khususnya UMNO, masih belum dapat menegakkan tiang perpaduan dan menyemarakkan obor orang Melayu, tegak bersatupadu!

Berkemungkinan juga kerana tabiat Buruk Rakyat Malaysia (The Ugly Malaysian) majoritinya orang Melayu, masih terbawa-bawa dengan budaya suka bertengkar antara satu sama lain, seperti yang direncanakan dalam Berita Minggu 7 Ogos 2005 yang lalu.

Etika menjatuhkan moral dan tidak hormat-meng hormati 'dignity' antara satu sama lain, sangat menebal. Suka dikorek-korek, diperbesar-besarkan hingga luas merebak, tidak tentu hala hingga menjadi isu nasional. Contoh-contoh yang dipertikaikan 'Hak kepentingan orang Melayu': 'Peruntukan kuota orang Melayu'; 'Menonjolkan kelemahan Sistem Kepimpinan orang Melayu' dan pelbagai lagi.

Secara tak langsung spekulasi negatif ini, diskredit kepada integriti kepimpinan orang Melayu. Dijadikan modal pula oleh Ahli Politik bangsa lain sebagai tagan untuk tuntutan. Menjadi isu semasa terbuka dipersoalkan atau bahan ketawa (mockery) oleh masyarakat dipasaran. Justeru itu tabiat 'membuka pekong' kaum sendiri, jelas merugikan orang Melayu sendiri sepertimana pe patah bahasa 'Meludah ke langit, menimpa muka sendiri.'

Surah Ali Imran Ayat 103 - 105 menerangkan **Patutlah kaum muslimin insaf; berpegang kepada tali (Agama) Allah; Tidak berpecah-belah; Menyuruh kepada kebaikan; menyuruh dengan ma'ruf (yang baik-baik) menjerakan Sembahyang, puasa, zakat dan sebagainya, mereka itulah yang menang. Dan melarang dari yang mungkar dengan meninggalkan perkara haram seperti mengumpat, mencaci, iri hati, takabur, berjudi, minum arak dan sebagai nya; itulah Siksaan yang Besar."**

Semua orang Melayu beragama Islam boleh memahami tafsir dari Ayat Suci Kitabullah Al Quran ini, mes tilah mengambil iktibar demi menghapuskan, budaya negatif menumpukan lebih kepada kerjaya daripada bercakap-bercakap kosong, mengkritik dan menggosip sesama sendiri dan meninggalkan sikap dengki irihati ke atas kemajuan orang lain, supaya tidak menjadi etika ikutan kepada generasi muda orang Melayu, yang akan menjadi pelapis pemimpin Negara akan datang.

Meskipun Sosio-Ekonomi orang Melayu masih lagi belum sempurna dicapai, berbanding dengan bangsa lain, namun demikian memupuk semangat ke arah menyatupadukan Bangsa Melayu berteraskan konsep Islam Hadhari, menjernihkan minda orang Melayu, supaya Bangsa Melayu berkualiti, Glokal dan menjadi 'Role Model', dihormati dari disegani oleh bangsa lain, adalah kaedah baru dan wadah utama kepada perjuangan UMNO.

Maka orang Melayu sesungguhnya Hebat dan UMNO terus relevan pemangkin Barisan Nasional kekal memerintah Negara.